# pharmaniaga

# NOTICE OF ANNUAL GENERAL MEETING

**NOTICE IS HEREBY GIVEN** that the Twenty-First Annual General Meeting of Pharmaniaga Berhad will be held at Mutiara Ballroom, Ground Floor, Royale Chulan Damansara, 2 Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan on Tuesday, 23 April 2019 at 9.00 a.m. for the purpose of transacting the following business:

**AS ORDINARY BUSINESS**

1. To receive the Audited Financial Statements for the financial year ended 31 December 2018 together with the Reports of the Directors and Auditors. **[Please refer to Note (1)]**
2. To re-elect Encik Mohd Suffian Haji Haron who retires as Director of the Company by rotation in accordance with Article 88 of the Company's Constitution, and being eligible, offers himself for re-election. **(Resolution 1)**
3. To re-elect Encik Fahmy Ismail, who retires as a Director of the Company in accordance with Article 94 of the Company's Constitution, and being eligible, offers himself for re-election. **(Resolution 2)**
4. To approve payment of RM34,528.00 being fees for the Director appointed with effect from 1 January 2019 until the conclusion of this Annual General Meeting of the Company. **(Resolution 3)**
5. To approve payment of Directors' fees and meeting allowances for Pharmaniaga Berhad and itssubsidiaries from 24 April 2019 until the conclusion of the next Annual General Meeting of the Company. **(Resolution 4)**
6. To re-appoint Messrs. PricewaterhouseCoopers PLT as auditors of the Company and to hold office until the conclusion of the next Annual General Meeting, at a remuneration to be determined by the Directors. **(Resolution 5)**

**AS SPECIAL BUSINESS**

To consider and, if thought fit, pass the following resolutions:

7. **Ordinary Resolution**
   **Authority to Allot and Issue Shares in General Pursuant to Sections 75 and 76 of the Companies Act 2016** **Resolution 6**

   "THAT pursuant to Sections 75 and 76 of the Companies Act 2016 and subject to the approvals of the relevant governmental/regulatory authorities, the Directors be and are hereby empowered to issue shares in the capital of the Company from time to time and upon such terms and conditions and for such purposes as the Directors, may in their absolute discretion deem fit, provided that the aggregate number of shares issued pursuant to this resolution does not exceed 10% of the issued share capital of the Company for the time being and that the Directors be and are hereby also empowered to obtain approval from the Bursa Malaysia Securities Berhad for the listing and quotation of the additional shares so issued and that such authority shall continue to be in force until the conclusion of the next Annual General Meeting of the Company."

8. **Ordinary Resolution**
   **Proposed Renewal of Shareholders' Mandate for Recurrent Related Party Transactions** **Resolution 7**

   "THAT, subject always to the Companies Act 2016 ("Act"), the Company's Constitution and the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad, approval be and is hereby given for the renewal of the mandate granted by the shareholders of the Company on 11 April 2018, authorising the Company and/or its subsidiaries to enter into recurrent transactions of a revenue or trading nature with the Related Parties as specified in Section 2.2 of the Circular to Shareholders dated 25 March 2019, provided that the transactions are:

   i. necessary for the day to day operations;
   ii. carried out in the ordinary course of business and on normal commercial terms which are not more favourable to the Related Parties than those generally available to the public; and
   iii. are not to the detriment of the minority shareholders.

   **AND THAT** such approval shall continue to be in force until:

   i. the conclusion of the next Annual General Meeting ("AGM") of the Company, at which time it will lapse, unless by a resolution passed at the said AGM, such authority is renewed;
   ii. the expiration of the period within which the next AGM of the Company is required to be held pursuant to Section 340(2) of the Act (but shall not extend to such extension as may be allowed pursuant to Section 340(4) of the Act); or
   iii. revoked or varied by resolution passed by the shareholders in a General Meeting;

whichever is the earlier.

**AND FURTHER THAT** the Directors of the Company be authorised to complete and do all such acts and things (including executing all such documents as may be required) as they may consider expedient
or necessary to give effect to this Shareholders' Mandate."

9. **Special Resolution**
   **Proposed Adoption of the new Constitution of the Company** **Special Resolution 1**

   "THAT the draft new set of the Constitution of the Company in the form and manner as set out in Appendix A attached herewith be and is hereby approved and adopted as the new Constitution of the Company, in substitution for, and to the exclusion of, the existing Constitution of the Company AND THAT the Directors be and are hereby authorised to do all such acts and things and to take such steps that are necessary to give effect to adoption of the new Constitution of the Company."

10. To transact any other business of the Company of which due notice shall have been received.

By Order of the Board

**TASNEEM MOHD DAHALAN**

Secretary
Kuala Lumpur
25 March 2019

**Notes**

1. **Audited Financial Statements**

   The Audited Financial Statements laid at this meeting pursuant to Section 340(1)(a) of the Companies Act 2016 are meant for discussion only. It does not require shareholders' approval, and therefore, shall not be put forward for voting.

2. **Ordinary Resolutions 1 and 2 – Proposed Re-election of Directors in accordance with Article 88 and 94 of the Company's Constitution**

   Article 88 of the Company's Constitution provides amongst others that at least one-third of the Directors who are subject to retirement by rotation or, if their number is not three (3) or multiple of three (3), the number nearest to one-third shall retire from office provided always that all Directors shall retire from office once at least in every three (3) years and shall be eligible for reelection. At this Annual General Meeting Encik Mohd Suffian Haji Haron will be standing for re-election pursuant to Article 88 of the Company's Constitution.

   The Board through the Nomination Committee ("NC") has assessed the criteria and contribution of Encik Mohd Suffian Haji Haron and has recommended for his re-election as Director of the Company.

   Article 94 of the Company's Constitution provides amongst others that any casual vacancy occurring in the Board of Directors may be filled up by the Directors, but any person so chosen shall retain his office only until the next Annual General Meeting of the Company, at which he shall retire, but at which he shall be eligible for re-election. At this Annual General Meeting Encik Fahmy Ismail will be standing for re-election pursuant to Article 94 of the Company's Constitution.

   The profiles of the Directors who are standing for re-election are set out on pages 17 and 20 of the Annual Report, while details of their interests in securities are set out on page 117 of the Annual Report.

3. **Ordinary Resolutions 3 and 4 – Directors' Remuneration**

   Section 230(1) of the Companies Act 2016 provides amongst others that the fees of the Directors and any benefits payable to the Directors of a listed company and its subsidiaries shall be approved at the general meeting.

   **Ordinary Resolution 3** seeks approval for payment of Directors' fees for Encik Fahmy Ismail who was appointed to the Board on 1 January 2019. Payment is for the period 1 January 2019 until conclusion of this Annual General Meeting of the Company. The Company will seek approval for payment of his Director fees from 24 April 2019 until conclusion of the next Annual General Meeting under Ordinary Resolution 4.

   **Ordinary Resolution 4** seeks approval for payment of Directors' fees and meeting allowances from 24 April 2019 until the conclusion of the next Annual General Meeting of the Company, which comprises the following, with or without modifications:

   **Pharmaniaga Berhad**

| No | Directors | Annual Fees (RM) |
|---|---|---|
| 1 | Mohd Suffian Haji Haron | 120,000 |
| 2 | Izzat Othman | 110,000 |
| 3 | Lieutenant General Dato' Seri Panglima Dr Sulaiman Abdullah (Retired) | 90,000 |
| 4 | Fahmy Ismail | 90,000 |

| | | | Annual Fees (RM) |
|---|---|---|---|
| Board of Directors | Chairman | For any new appointment from the conclusion of the 2019 AGM until conclusion of the next AGM | 170,000 |
| | Member | | 90,000 |
| Audit Committee | Chairman<br>Member | | 30,000<br>20,000 |
| Other Board Committees | Chairman<br>Member | | 5,000<br>3,000 |

| | | Meeting Allowance (per meeting) RM |
|---|---|---|
| Board of Directors | Chairman<br>Member | 1,500<br>1,000 |
| Board Committees Meetings | Chairman<br>Member | 1,500<br>1,000 |

**Subsidiaries of Pharmaniaga Berhad**

| Name | Position Held | Type | Amount (RM) |
|---|---|---|---|
| Dato' Farshila Emran | **PT Errita Pharma** | | |
| | Director | Directors' Fee (annual)<br>Meeting allowance – per meeting | 30,000<br>1,000 |
| Izzat Othman | **PT Millennium Pharmacon International Tbk** | | |
| | Director | Directors' Fee (annual)<br>Meeting allowance – per meeting<br>• Board<br>• Board Committees | 42,150*<br><br>1,000<br>750 |
| | **PT Errita Pharma** | | |
| | Director | Directors' Fee (annual)<br>Meeting allowance – per meeting | 48,000<br>1,000 |
| | **Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd** | | |
| | Director | Directors' Fee (annual) | 36,000 |

* IDR 162.5 million based on average rate of RM0.0284 as at 31 December 2018.

4. **Ordinary Resolution 5 – Re-appointment of Auditors**

   The Board and Audit Committee of the Company are satisfied with the quality of service, adequacy of resources provided, communication, interaction skills and independence, objectivity and professionalism demonstrated by the External Auditors, Messrs. PricewaterhouseCoopers PLT in carrying out their functions. Being satisfied with the External Auditors' performance, the Board recommends their re-appointment for shareholders' approval at the Twentieth Annual General Meeting.

5. **Explanatory Notes to Special Business**

   a) **Ordinary Resolution 6 - Authority for Directors to Allot and Issue Shares**

   Ordinary Resolution 6, if passed, will give powers to the Directors to issue up to a maximum of 10% of the issued share capital of the Company for the time being for such purposes as the Directors consider would be in the interest of the Company.

   This authority will, unless revoked or varied by the Company at a general meeting, expire at the conclusion of the next Annual General Meeting.

   The authority will provide flexibility to the Company for any possible fund raising activities, including but not limited to further placing of shares, for purpose of funding future investment project(s), working capital and/or acquisitions.

   As at the date of this Notice, no new shares were issued pursuant to the authority granted to the Directors at the Twentieth Annual General Meeting held on 11 April 2018, the mandate of which will lapse at the conclusion of the Twenty-First Annual General Meeting to be held on 23 April 2019.

   b) **Ordinary Resolution 7 - Recurrent Related Party Transactions**

   Ordinary Resolution 7, if passed, will enable the Company and/or its Subsidiaries to enter into recurrent transactions involving the interests of Related Parties, which are of a revenue or trading nature and necessary for the Group's day-to-day operations, subject to the transactions being carried out in the ordinary course of business and on terms not to the detriment of the minority shareholders of the Company ("Mandate").

   Further information on the Mandate is set out in the Circular to Shareholders dated 25 March 2019.

   c) **Special Resolution 1 - Proposed Adoption of the New Constitution of the Company**

   The proposed Special Resolution 1, if passed, will enable the Company's Constitution to be in line with the Companies Act 2016 and the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad. The proposed new Constitution is set out in Appendix A, a copy of which is despatched together with the Company's Annual Report 2018.

6. **Appointment of Proxy**

   a) A member of the Company entitled to attend and vote at the meeting is entitled to appoint any person to be his proxy to attend and vote in his stead. A proxy may but need not be a member of the Company.

   b) In the case of a Corporation, the proxy should be executed under the hand of a duly authorised officer.

   c) A member of the Company is entitled to appoint more than one proxy to attend and vote at the same meeting in his stead, provided that the member specifies the proportion of his shareholdings to be represented by each proxy.

   d) Where a member of the Company is an exempt authorised nominee as defined under the Securities Industry (Central Depositories) Act 1991, which holds ordinary shares in the Company for multiple beneficial owners in one securities account (omnibus account), there is no limit to the number of proxies which the exempt authorised nominee may appoint in respect of each omnibus account it holds.

   e) The instrument appointing a proxy and the power of attorney or other authority (if any) under which it is signed, should be deposited at the office of the Company's Share Registrar, Tricor Investor & Issuing House Services Sdn Bhd, located at Unit 32-01, Level 32, Tower A, Vertical Business Suite Avenue 3, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur or its Customer Service Centre at Unit G-3, Ground Floor, Vertical Podium, Avenue 3, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur, no later than Sunday, 21 April 2019 at 9.00 a.m.

   f) Only members registered in the Record of Depositors as at 12 April 2019 shall be eligible to attend the meeting or appoint a proxy to attend and vote on his/her behalf.

   g) Pursuant to Paragraph 8.29A of the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad, all the resolutions set out in this Notice will be put to vote by poll.

pharmaniaga

# NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

**DENGAN INI DIMAKLUMKAN** bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Kedua Puluh Satu Pharmaniaga Berhad akan diadakan di Mutiara Ballroom, Tingkat Bawah, Royale Chulan Damansara, 2 Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, pada hari Selasa, 23 April 2019 pada jam 9.00 pagi bagi tujuan melaksanakan urusan berikut:

**SEBAGAI URUSAN BIASA**

1. Untuk menerima Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 berserta dengan Laporan para Pengarah dan Juruaudit. **(Sila rujuk Nota 1)**
2. Untuk melantik semula Encik Mohd Suffian Haji Haron yang bersara sebagai Pengarah Syarikat mengikut giliran menurut Artikel 88 Perlembagaan Syarikat, dan kerana layak, beliau telah menawarkan dirinya untuk pelantikan semula. **(Resolusi 1)**
3. Untuk melantik semula Encik Fahmy Ismail yang bersara sebagai Pengarah Syarikat menurut Artikel 94 Perlembagaan Syarikat, dan kerana layak, beliau telah menawarkan dirinya untuk pelantikan semula. **(Resolusi 2)**
4. Untuk meluluskan pembayaran sebanyak RM34,528.00 yang merupakan yuran untuk Pengarah yang dilantik berkuat kuasa mulai 1 Januari 2019 sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat ini. **(Resolusi 3)**
5. Untuk meluluskan pembayaran yuran dan elaun mesyuarat para Pengarah bagi Pharmaniaga Berhad dan subsidiarinya dari 24 April 2019 sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya. **(Resolusi 4)**
6. Untuk melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT sebagai juruaudit Syarikat dan memegang jawatan sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya, berdasarkan imbuhan yang akan ditetapkan oleh para Pengarah. **(Resolusi 5)**

**SEBAGAI URUSAN KHAS**

Untuk mempertimbangkan dan, sekiranya dianggap wajar, meluluskan resolusi berikut:

7. **RESOLUSI BIASA**
**Kuasa Untuk Mengumpuk Dan Menerbitkan Saham Secara Am Menurut Seksyen 75 Dan 76 Akta Syarikat 2016** **Resolusi 6**

"BAHAWASANYA menurut Seksyen 75 dan 76 Akta Syarikat 2016 dan tertakluk kepada kelulusan kerajaan/pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan, para Pengarah adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk menerbitkan saham dalam modal Syarikat dari semasa ke semasa dan berdasarkan terma dan syarat tertentu dan untuk tujuan tertentu, sebagaimana yang difikirkan sesuai mengikut budi bicara mutlak para Pengarah, dengan syarat bahawa bilangan agregat saham yang diterbitkan menurut resolusi ini tidak melebihi 10 peratus daripada modal saham terbitan Syarikat untuk sementara waktu ini dan bahawa para Pengarah adalah dengan ini turut diberi kuasa untuk mendapatkan kelulusan daripada Bursa Malaysia Securities Berhad bagi penyenaraian dan sebut harga saham tambahan yang diterbitkan dan bahawa kuasa tersebut hendaklah terus berkuat kuasa sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya."

8. **Resolusi Biasa**
**Cadangan Pembaharuan Mandat Para Pemegang Saham Untuk Urus Niaga Pihak Berkaitan Yang Berulang** **Resolusi 7**

"BAHAWASANYA, dengan sentiasa tertakluk kepada Akta Syarikat 2016 ("Akta"), Perlembagaan Syarikat dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, kelulusan adalah dan dengan ini diberikan untuk pembaharuan mandat yang dibenarkan oleh para pemegang saham Syarikat pada 11 April 2018, yang memberi kuasa kepada Syarikat dan/atau subsidiarinya untuk melaksanakan urus niaga berulang yang bersifat hasil atau perdagangan dengan Pihak Berkaitan seperti yang ditentukan dalam Seksyen 2.2 Pekeliling kepada para Pemegang Saham bertarikh 25 Mac 2019, dengan syarat bahawa urus niaga tersebut adalah:

i. perlu untuk operasi harian;
ii. dilaksanakan mengikut perjalanan biasa urusan dan berdasarkan syarat perdagangan biasa yang tidak lebih menguntungkan Pihak Berkaitan berbanding dengan yang secara amnya tersedia untuk pihak awam; dan
iii. tidak menjejaskan para pemegang saham minoriti.

**DAN BAHAWASANYA** kelulusan tersebut hendaklah terus berkuat kuasa sehingga:

i. berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") Syarikat yang berikutnya, yang pada masa itu akan luput, melainkan melalui resolusi yang diluluskan pada AGM tersebut, kuasa sedemikian diperbaharui;
ii. tamatnya tempoh yang dalam jangka masa tersebut AGM Syarikat yang berikutnya perlu diadakan menurut Seksyen 340(2) Akta (tetapi lanjutan tersebut hendaklah tidak melebihi sebagaimana yang dibenarkan menurut Seksyen 340(4) Akta), atau
iii. dibatalkan atau diubah mengikut resolusi yang diluluskan oleh para Pemegang Saham pada Mesyuarat Agung;

bergantung kepada yang mana lebih awal.

**DAN BAHAWA SELANJUTNYA** para Pengarah Syarikat diberi kuasa untuk menyempurnakan dan melakukan segala tindakan dan perkara (termasuk melaksanakan segala dokumen yang diperlukan) yang mereka anggap dapat mempercepatkan atau perlu bagi menguatkuasakan Mandat para Pemegang Saham ini."

9. **Resolusi Khas**
**Cadangan Menerima Pakai Perlembagaan Syarikat Yang Baharu** **Resolusi Khas 1**

"BAHAWASANYA satu set Perlembagaan Syarikat yang baharu yang telah digubal dalam bentuk dan mengikut cara yang dikemukakan bersama ini dilampirkan sebagai Lampiran A adalah dan dengan ini diluluskan serta diterima pakai sebagai Perlembagaan Syarikat yang baharu, bagi menggantikan, dan sehingga mengetepikan, Perlembagaan Syarikat sedia ada DAN BAHAWASANYA para Pengarah adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk melakukan segala tindakan dan perkara serta mengambil segala langkah yang perlu bagi menguatkuasakan terima pakai Perlembagaan Syarikat yang baharu."

10. Untuk menjalankan apa-apa urusan Syarikat yang lain dengan pemakluman yang sewajarnya telahpun diterima.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

**TASNEEM MOHD DAHALAN**

Setiausaha
Kuala Lumpur
25 Mac 2019

**Nota**

1. **Penyata Kewangan Beraudit**

Penyata Kewangan Beraudit yang dibentangkan pada mesyuarat ini menurut Seksyen 340(1)(a) Akta Syarikat 2016 adalah untuk tujuan perbincangan sahaja. Ia tidak memerlukan kelulusan para pemegang saham, dan oleh kerana itu, tidak akan dibawa ketengah untuk undian.

2. **Resolusi Biasa 1 dan 2 - Cadangan Pelantikan Semula para Pengarah menurut Artikel 88 dan 94 Perlembagaan Syarikat**

Artikel 88 Perlembagaan Syarikat antara lain mensyaratkan bahawa sekurang-kurangnya satu pertiga daripada para Pengarah yang tertakluk kepada persaraan mengikut giliran atau, jika bilangan mereka bukan tiga (3) atau gandaan tiga (3), maka bilangan terdekat kepada satu pertiga hendaklah bersara daripada jawatan dengan sentiasa terikat kepada syarat bahawa kesemua Pengarah hendaklah bersara daripada jawatan sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) tahun dan adalah layak untuk pelantikan semula. Pada Mesyuarat Agung Tahunan ini Encik Mohd Suffian Haji Haron akan tampil untuk pelantikan semula menurut Artikel 88 Perlembagaan Syarikat.

Lembaga Pengarah, menerusi Jawatankuasa Pencalonan ("NC") telah menilai kriteria serta sumbangan Encik Mohd Suffian Haji Haron dan telah mengesyorkan pelantikan semula dirinya sebagai Pengarah Syarikat.

Artikel 94 Perlembagaan Syarikat antara lain mensyaratkan bahawa apa-apa kekosongan biasa yang berlaku dalam Lembaga Pengarah boleh diisi oleh para Pengarah, tetapi mana-mana orang yang dipilih hendaklah mengekalkan jawatannya hanya sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya, yang pada waktu itu beliau hendaklah bersara, tetapi beliau adalah layak untuk pelantikan semula. Pada Mesyuarat Agung Tahunan ini, Encik Fahmy Ismail akan tampil untuk pelantikan semula menurut Artikel 94 Perlembagaan Syarikat.

Profil para Pengarah yang tampil untuk pelantikan semula dikemukakan pada muka surat 17 dan 20 Laporan Tahunan, manakala butiran tentang kepentingan mereka dalam sekuriti dikemukakan pada muka surat 117 Laporan Tahunan.

3. **Resolusi Biasa 3 dan 4 - Imbuhan para Pengarah**

Seksyen 230(1) Akta Syarikat 2016 antara lain mensyaratkan bahawa yuran para Pengarah dan apa-apa faedah yang perlu dibayar kepada para Pengarah sesebuah syarikat yang tersenarai serta subsidiarinya hendaklah diluluskan pada mesyuarat agung.

**Resolusi Biasa 3** ingin mendapatkan kelulusan untuk pembayaran yuran Pengarah bagi Encik Fahmy Ismail yang telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 1 Januari 2019. Bayaran adalah untuk tempoh 1 Januari 2019 sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat ini. Syarikat akan mendapatkan kelulusan untuk pembayaran yuran Pengarahnya dari 24 April 2019 sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya di bawah Resolusi Biasa 4.

**Resolusi Biasa 4** ingin mendapatkan kelulusan untuk pembayaran yuran  serta elaun mesyuarat para Pengarah dari 24 April 2019 sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya, merangkumi yang tertera di bawah, dengan atau tanpa pengubahsuaian:

**Pharmaniaga Berhad**

| No | Pengarah | Yuran Tahunan (RM) |
|---|---|---|
| 1 | Mohd Suffian Haji Haron | 120,000 |
| 2 | Izzat Othman | 110,000 |
| 3 | Lieutenant General Dato' Seri Panglima Dr Sulaiman Abdullah (Bersara) | 90,000 |
| 4 | Fahmy Ismail | 90,000 |

| | | | Yuran Tahunan (RM) |
|---|---|---|---|
| Lembaga Pengarah | Pengerusi | Untuk mana-mana pelantikan baharu setelah berakhirnya AGM 2019 sehingga berakhirnya AGM yang berikutnya | 170,000 |
| | Ahli | | 90,000 |
| Jawatankuasa Audit | Pengerusi | | 30,000 |
| | Ahli | | 20,000 |
| Jawatankuasa Lembaga yang Lain | Pengerusi | | 5,000 |
| | Ahli | | 3,000 |

| | | Elaun Mesyuarat (setiap mesyuarat) RM |
|---|---|---|
| Mesyuarat Lembaga Pengarah | Pengerusi | 1,500 |
| | Ahli | 1,000 |
| Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga | Pengerusi | 1,500 |
| | Ahli | 1,000 |

**Subsidiari Pharmaniaga Berhad**

| Nama | Jawatan Disandang | Jenis | Amaun (RM) |
|---|---|---|---|
| Dato' Farshila Emran | **PT Errita Pharma** | | |
| | Pengarah | Directors' Fee (annual) | 30,000 |
| | | Meeting allowance – per meeting | 1,000 |
| Izzat Othman | **PT Millennium Pharmacon International Tbk** | | |
| | Pengarah | Yuran Pengarah (tahunan) | 42,150* |
| | | Elaun mesyuarat - setiap mesyuarat | |
| | | • Lembaga | 1,000 |
| | | • Jawatankuasa Lembaga | 750 |
| | **PT Errita Pharma** | | |
| | Pengarah | Yuran Pengarah (tahunan) | 48,000 |
| | | Elaun mesyuarat - setiap mesyuarat | 1,000 |
| | **Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd** | | |
| | Pengarah | Yuran Pengarah (tahunan) | 36,000 |

* IDR 162.5 juta berdasarkan kadar purata RM0.0284 pada 31 Disember 2018.

4. **Resolusi Biasa 5 - Pelantikan Semula Juruaudit**

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit Syarikat berpuas hati dengan kualiti perkhidmatan, kemampuan dari segi sumber yang disediakan, komunikasi, kemahiran berinteraksi dan ketakbersandaran, keobjektifan serta profesionalisme yang diperlihatkan oleh Juruaudit Luar, Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT dalam melaksanakan fungsi mereka. Oleh kerana berpuas hati dengan prestasi Juruaudit Luar, maka Lembaga Pengarah mencadangkan pelantikan semula mereka untuk kelulusan para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Kedua Puluh Satu.

5 **Nota Penjelasan kepada Urusan Khas**

a) **Resolusi Biasa 6 - Kuasa untuk para Pengarah Mengumpuk dan Menerbitkan Saham**

Resolusi Biasa 6, sekiranya diluluskan, akan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menerbitkan sehingga maksimum 10 peratus daripada modal saham terbitan Syarikat buat sementara waktu untuk tujuan tertentu sebagaimana yang difikirkan oleh para Pengarah adalah demi kepentingan Syarikat.

Kuasa ini, melainkan dibatalkan atau diubah oleh Syarikat pada sebuah mesyuarat agung, akan tamat apabila berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya.

Kuasa ini akan memberi fleksibiliti kepada Syarikat untuk sebarang kemungkinan aktiviti mencari dana, termasuk, tetapi tidak terhad kepada penempatan lanjut saham, untuk tujuan pendanaan projek(-projek) pelaburan, modal kerja dan/atau pengambilalihan pada masa hadapan.

Setakat tarikh Notis ini, tiada saham baharu diterbitkan menurut kuasa yang diberikan kepada para Pengarah pada Mesyuarat Agung Tahunan Kedua Puluh yang telah diadakan pada 11 April 2018, iaitu mandat yang akan luput apabila berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan Kedua Puluh Satu yang akan diadakan pada 23 April 2019.

b) **Resolusi Biasa 7 - Urus Niaga Pihak Berkaitan yang Berulang**

Resolusi Biasa 7, sekiranya diluluskan, akan membolehkan Syarikat dan/atau Subsidiarinya melakukan urus niaga berulang yang melibatkan kepentingan Pihak Berkaitan, yang bersifat hasil atau perdagangan dan adalah perlu untuk operasi harian Kumpulan, dengan tertakluk kepada urus niaga tersebut dilaksanakan mengikut perjalanan biasa urusan dan berdasarkan syarat yang tidak menjejaskan para pemegang saham minoriti Syarikat ("Mandat").

Maklumat lanjut mengenai Mandat dikemukakan dalam Pekeliling kepada para Pemegang Saham bertarikh 25 Mac 2019.

c) **Resolusi Khas 1 - Cadangan Menerima Pakai Perlembagaan Syarikat yang Baharu**

Cadangan Resolusi Khas 1, sekiranya diluluskan, akan membolehkan Perlembagaan Syarikat diselarikan dengan Akta Syarikat 2016 dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Cadangan Perlembagaan baharu dilampirkan sebagai Lampiran A, yakni salinan yang dihantar bersama dengan Laporan Tahunan Syarikat 2018.

6. **Pelantikan Proksi**

a) Seseorang ahli Syarikat yang berhak untuk hadir dan mengundi pada mesyuarat adalah berhak untuk melantik mana-mana orang untuk menjadi proksi beliau untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Seseorang proksi boleh tetapi tidak semestinya seorang ahli Syarikat.

b) Dalam hal sesebuah Perbadanan, proksi hendaklah dilaksanakan di bawah tandatangan seorang pegawai yang telah diberi kuasa sewajarnya.

c) Seseorang ahli Syarikat berhak melantik lebih daripada seorang proksi untuk hadir dan mengundi pada mesyuarat yang sama bagi pihaknya, dengan syarat bahawa ahli tersebut menetapkan kadar pegangan saham beliau yang akan diwakili oleh setiap proksi.

d) Apabila seseorang ahli Syarikat adalah nomini yang dibenarkan berkecuali seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, yang memegang saham biasa dalam Syarikat untuk berbilang pemilik benefisial dalam satu akaun sekuriti (akaun omnibus), maka tiada had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh nomini dibenarkan berkecuali berhubung dengan setiap akaun omnibus yang dipegangnya.

e) Instrumen pelantikan seseorang proksi dan surat kuasa wakil atau kuasa lain (jika ada) yang telah ditandatangani, hendaklah dihantar ke pejabat Pendaftar Saham Syarikat, Tricor Investor & Issuing House Services Sdn Bhd, yang terletak di Unit 32-01, Aras 32, Menara A, Vertical Business Suite Avenue 3, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur atau di Pusat Perkhidmatan Pelanggannya di Unit G-3, Tingkat Bawah, Vertical Podium, Avenue 3, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur, tidak lewat daripada hari Ahad, 21 April 2019 pada pukul 9.00 pagi.

f) Hanya ahli yang berdaftar dalam Rekod Pendeposit setakat 12 April 2019 adalah layak untuk menghadiri mesyuarat atau melantik seseorang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihak beliau.

g) Menurut Perenggan 8.29A Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, kesemua resolusi yang dikemukakan dalam Notis ini akan diketengahkan untuk pungutan undi.